

# **BAHAGIAN SATU**

## **Pengenalan kepada Kajian**

### **1.1 Pendahuluan**

Pelajar merupakan aset penting dan bakal pewaris kepimpinan negara. Mereka perlu berilmu, berdisiplin dan berkualiti agar menjadi insan sempurna yang akan dapat mencurahkan khidmat bakti kepada masyarakat dan negara. Disiplin memainkan peranan yang penting ke arah pembentukan sahsiah para pelajar. Ia adalah salah satu komponen penting dalam sistem persekolahan yang berkait rapat berkenaan tata tertib, tatasusila, keadaan, akhlak dan kesopanan. Perkataan disiplin merupakan satu perkara yang begitu sinonim dalam kehidupan kita seharian.

Di sekolah, disiplin menjadi satu kawalan sosial bagi mewujudkan suasana yang tenteram supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan teratur dan lancar. Bagi masyarakat di luar sekolah, disiplin adalah asas penting bagi membentuk kerukunan hidup selaras dengan norma, nilai dan aspirasi negara. Guru adalah golongan yang perlu memupuk disiplin semasa pelajar-pelajar berada di sekolah. Manakala ibu bapa dan masyarakat perlu memupuk disiplin semasa pelajar-pelajar berada di luar sekolah.

### **1.2 Penyataan Masalah**

Sejak kebelakangan ini, berlakunya peningkatan kadar masalah disiplin pelajar di sekolah secara mendadak yang bukan sahaja menjejaskan pembelajaran dan prestasi pelajar tetapi juga kecemerlangan sekolah secara berterusan. Isu-isu berkaitan dengan masalah disiplin di kalangan pelajar sekolah sering diperkatakan masa kini dan menjadi fokus pihak media massa.

Masalah disiplin yang melibatkan para pelajar sekolah menengah begitu ketara dan ini amat meresahkan para ibu bapa serta masyarakat umum seluruhnya. Dalam tempoh tiga tahun yang lepas, bilangan laporan mengenai masalah disiplin pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Utama Damansara 4, Petaling Jaya telah didapati meningkat. Kemerostan disiplin yang berlaku di kalangan pelajar sekolah menengah ini agak membimbangkan dan akan menjadi kritikal sekiranya tidak dibendung pada peringkat awal lagi. Oleh itu semua pihak, termasuk rakan sebaya, ibu bapa, guru dan masyarakat perlu prihatin terhadap isu ini.

### **1.3 Persoalan Kajian**

- 1) Apakah jenis-jenis masalah disiplin pelajar yang berlaku di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Utama, Petaling Jaya bagi tempoh 2012 – 2014?
- 2) Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah disiplin pelajar di sekolah tersebut?
- 3) Apakah kesan masalah disiplin pelajar kepada sekolah?
- 4) Apakah langkah-langkah penyelesaian yang boleh diambil untuk menangani masalah disiplin pelajar tersebut?

### **1.4 Objektif Kajian**

- 1) Mengenal pasti jenis-jenis masalah disiplin pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Utama, Petaling Jaya bagi tempoh 2012 – 2014.
- 2) Menentukan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah disiplin pelajar tersebut.
- 3) Meneliti kesan masalah disiplin pelajar kepada sekolah.
- 4) Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian bagi menangani masalah disiplin pelajar tersebut.

### **1.5 Skop Kajian**

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Utama Damansara 4 di Jalan Dataran Utama, Petaling Jaya. Kajian ini melibatkan 30 guru di sekolah ini. Selain itu, 30 orang pelajar dari kalangan pelajar tingkatan 1 hingga 5 turut dilibatkan dalam kajian ini. Data rekod bagi kajian ini merujuk kepada tahun 2012 hingga 2014.

### **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian ini dijangka akan berguna kepada pihak sekolah kerana dapat membantu pihak sekolah mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah. Hasil kajian boleh membantu menyediakan maklumat dan bukti kajian kepada pihak sekolah untuk mengambil langkah-langkah yang wajar dalam menangani kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah seperti garis panduan serta mengkaji semula peraturan-peraturan sekolah yang membabitkan disiplin pelajar.

Kajian ini diharapkan menyediakan sumber rujukan dan maklumat kepada guru-guru disiplin dan pengkaji lain untuk mengkaji secara lebih terperinci dan mendalam berkaitan dengan kemerosotan disiplin di kalangan pelajar sekolah-sekolah menengah. Kajian ini juga akan menjadi saluran bagi guru-guru dan pelajar-pelajar memberi maklum balas bagi mengurangkan masalah disiplin pelajar di sekolah menengah, di mana secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam proses pembelajaran.

## **1.7 Struktur Laporan**

Laporan ini mengandungi enam bahagian yang utama seperti berikut :

Bahagian 1 : Pengenalan kepada Kajian

Bahagian 2 : Latar Belakang Organisasi

Bahagian 3 : Ulasan Teori dan Penemuan Kajian Terdahulu

Bahagian 4 : Kaedah Kajian

Bahagian 5 : Analisis Kajian

Bahagian 6 : Kesimpulan dan Cadangan

## **BAHAGIAN 2**

### **LATAR BELAKANG ORGANISASI**

#### **2.1 Sejarah Penubuhan**

Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Utama Damansara 4 adalah sekolah menengah harian sesi pagi sahaja dan mula beroperasi pada tahun 1 Januari 2004. Di bawah kepimpinan Pengetua Cemerlang DG 52, Puan Zuraidah binti Ismail, terdapat 85 tenaga pengajar siswazah dan 9 orang anggota kumpulan pelaksana serta 1041 orang murid.

SMK Bandar Utama Damansara 4 merupakan sekolah menengah harian di bawah seliaan Pejabat Pelajaran Daerah Petaling Utama yang terletak di kawasan Bandar Utama, Petaling Jaya, Selangor. Sekolah ini berkeluasan 6 hektar tanah dengan 6 blok bangunan, termasuk blok bangunan kantin dan surau. Blok A untuk makmal, blok B dan blok C untuk bilik darjah, blok D untuk bengkel Kemahiran Hidup dan blok E menempatkan ruang pejabat, bilik gerakan, bilik mesyuarat, perpustakaan dan koperasi sekolah.

#### **2.2 Perkhidmatan**

SMK Bandar Utama Damansara 4 menawarkan perkhidmatan pendidikan peringkat sekolah menengah. Pendidikan menengah terbahagi kepada dua peringkat iaitu :

- Pendidikan Menengah Rendah
- Pendidikan Menengah Atas

### 2.2.1 Pendidikan Menengah Rendah

Pendidikan Menengah Rendah merangkumi pendidikan untuk pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Subjek yang akan dipelajari terbahagi kepada berikut seperti yang tersenarai dalam Jadual 2.1.

Jadual 2.1 : Senarai Subjek Peringkat Pendidikan Menengah Rendah

Subjek Teras	Subjek Pilihan
Bahasa Melayu	Pendidikan Islam / Moral
Bahasa Inggeris	Bahasa Asing
Sains	Kemahiran Hidup : Ekonomi Rumah Tangga
Sejarah	Kemahiran Hidup : Pertanian
Geografi	Kemahiran Hidup : Perdagangan dan Keusahawanan
Matematik	Kemahiran Hidup Bersepadu

### 2.2.2 Pendidikan Menengah Atas

Setelah tamat Pendidikan Menengah Rendah, pelajar-pelajar akan berpeluang melanjutkan pelajaran ke Menengah Atas selama dua tahun (Tingkatan 4 hingga Tingkatan 5). Terdapat dua aliran utama yang ditawarkan oleh SMK Bandar Utama Damansara 4 iaitu aliran Sains dan aliran Sastera. Antara subjek yang ditawarkan ialah seperti yang tersenarai dalam Jadual 2.2 dan Jadual 2.3.

Jadual 2.2 : Senarai Subjek Aliran Sains

Subjek Teras	Subjek Wajib
Bahasa Melayu	Fizik
Bahasa Inggeris	Kimia
Matematik	Biologi
Sejarah	Matematik Tambahan
Pendidikan Islam / Moral	English for Science and Technology

Jadual 2.3 : Senarai Subjek Aliran Sastera

Subjek Teras	Subjek Wajib
Bahasa Melayu	Ekonomi Asas
Bahasa Inggeris	Prinsip Perakaunan
Matematik	Perdagangan
Sejarah	Sains
Pendidikan Islam / Moral	Teknologi Maklumat

### 2.3 Pengurusan Organisasi

Pengurusan SMK Bandar Utama Damansara 4 (SMKBUD4) diletakkan di bawah Pengetua dan dibantu oleh Penolong Kanan serta dibahagikan kepada lima jabatan utama seperti yang diperjelaskan menerusi carta organisasi dalam Rajah 2.1.

Rajah 2.1 : Carta Organisasi Hal Ehwal Murid SMKBUD4



### 2.3.1 Visi dan Misi Organisasi

Visi dan Misi SMKBUD4 adalah seperti berikut :

Visi

“Pendidikan Berkualiti Insan Terdidik Negara Sejahtera“

Misi

“Melestarikan Sistem Pendidikan Yang Berkualiti Untuk Membangunkan Potensi Individu Bagi Memenuhi Aspirasi Negara”

### 2.4 Perjawatan

Perjawatan SMKBUD4 yang terkini terbahagi kepada jawatan pegawai perkhidmatan pendidikan dan jawatan anggota kumpulan pelaksana seperti yang tersenarai dalam Jadual 2.4 dan Jadual 2.5.

Jadual 2.4 : Jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan

Bil	Jawatan	Bilangan Staf
1	Pengetua Sekolah	1
2	Guru Penolong Kanan Pentadbiran	1
3	Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid	1
4	Guru Penolong Kanan Kokurikulum	1
5	Guru Kanan Mata Pelajaran (Ketua Bidang)	4
6	Guru Perpustakaan dan Media	1
7	Guru Data	1
8	Guru MPV (ICT)	1
9	Guru Mata Pelajaran Teknik	2
10	Guru Amali	4
11	Guru Akademik	49
12	Guru Kaunseling	3
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>69</b>



Jadual 2.5 : Jawatan Anggota Kumpulan Pelaksana

Bil	Jawatan	Bilangan Staf
1	Pembantu Operasi (Makmal)	1
2	Pembantu Operasi (Pejabat)	1
3	Pembantu Tadbir (Perkeranian)	1
4	Pembantu Operasi	1
5	Pembantu Makmal	2
6	Pembantu Tadbir Operasi	2
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>8</b>

(Sumber : Penyata Perjawatan Sekolah Tahun 2014 Kementerian Pendidikan Malaysia)

## 2.5 Prestasi Organisasi

### 2.5.1 Pencapaian Kokurikulum Sekolah

Jadual 2.6 menunjukkan pada tahun 2014, SMK BUD4 telah berjaya menerima tiga pencapaian kokurikulum.

Jadual 2.6 : Pencapaian Kokurikulum SMK BUD4 pada tahun 2014

Kelab / Persatuan /Permainan /Unit Beruniform	Pertandingan	Pencapaian
<b>Bahasa Inggeris</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertandingan Choral Speaking Sekolah-Sekolah Menengah Peringkat Zon Daerah Petaling Utama</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tempat Ke-3</li> </ul>
<b>Bola Keranjang Lelaki Bawah 15</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>MSSD</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Johan</li> </ul>
<b>Bola Keranjang Perempuan Bawah 18</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kejohanan Bola Keranjang Oilcorp</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Johan</li> </ul>

(Sumber : Penyata Pencapaian SMK BUD4 2014)

## 2.5.2 Pencapaian Akademik Sekolah

Pencapaian Akademik SMK BUD4 dibahagikan kepada dua iaitu pencapaian PMR dan SPM. Jadual 2.7 menunjukkan analisa keputusan PMR pada tahun 2012 dan 2013 manakala Jadual 2.8 menunjukkan analisa keputusan SPM bagi tahun 2012 dan 2013.

Jadual 2,7 Analisa Keputusan PMR

Tahun	Jumlah Calon	8A	7A	% Lulus Semua MP
<b>2012</b>	160	15	18	84.38
<b>2013</b>	236	22	48	90.25

(Sumber : Penyata Analisa Akademik SMK BUD4)

Jadual 2.8 Analisa Keputusan SPM

Tahun	Jumlah Calon	11A	10A	9A	8A	% Lulus
<b>2012</b>	154	2	3	1	3	88.00
<b>2013</b>	193	1	6	4	6	93.5

(Sumber : Penyata Analisa Akademik SMK BUD4)

## **BAHAGIAN TIGA**

### **TINJAUAN TEORI DAN PENEMUAN KAJIAN LEPAS**

#### **3.1 Takrifan**

Menurut Kamus Dewan, disiplin merujuk kepada latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh pada tata tertib (DBP, 2002: 308). Abdullah Sani (2005: 45) pula menyatakan pada peringkat sekolah, disiplin adalah peraturan-peraturan yang dikenakan ke atas murid-murid dengan tujuan mengawal tingkah laku mereka melalui hukuman atau ganjaran. Beliau percaya bahawa untuk membentuk dan menghasilkan modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang haruslah mengambilkira pengawalan dan latihan disiplin di kalangan murid kerana mereka ialah pewaris generasi akan datang.

Mengikut Mohd Ismail (2006: 71) disiplin ditakrifkan sebagai: "...kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari luar atau dengan kerelaan sendiri." Disiplin juga bermakna kesanggupan seseorang itu bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak individu lain, kesanggupan mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu kepentingan orang lain, kesanggupan hormat menghormati antara satu dengan lain dan mempunyai semangat tolong menolong, dan kesanggupan membaiki keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat.

#### **3.2 Ulasan Teori**

Terdapat tiga teori yang dapat dikaitkan dengan isu disiplin pelajar di sekolah iaitu Teori Keseimbangan, Teori Hierarki Keperluan Maslow dan Teori Personaliti 'The Big Five'.

### 3.2.1 Teori Keseimbangan

Apabila kita berhadapan dengan orang yang mempunyai pendapat yang sama, kita berasa gembira dan selesa kerana kita sependapat dengan mereka. Teori ini disebut Teori Keseimbangan. Para guru mungkin dapat mengaplikasikan teori ini dalam menangani masalah pelajar bagi mengubah sikap (contohnya malas belajar) dan mengubah tingkah laku pelajar (contohnya membuli ) yang semakin mencabar kewibawaan guru kini.

Teori Keseimbangan telah diperkenalkan oleh Fritz Heider pada tahun 1946 dalam kertas kerjanya bertajuk 'Sikap dan Pengaturan kognitif'. Dalam teori ini Heider menerangkan hubungan antara persetujuan dan keseimbangan antara tiga pihak iaitu P mewakili subjek atau diri sendiri, O bagi pihak lain dan X ialah objek. Dua pihak iaitu P dan O mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap objek (Azizi Yahaya, 2005). Beliau menambah apabila hubungan antara ketiga-tiga pihak ini seimbang, maka tidak ada dorongan untuk berubah. Namun begitu, jika keadaan yang sebaliknya berlaku yakni keadaan tidak seimbang berlaku, maka dorongan perubahan akan wujud (Heider, 1946).

Menurut Maarof Redzuan (2001) Heider mencadangkan bahawa manusia didorong untuk mengekalkan satu keadaan keseimbangan kognitif dan emosi secara harmoni antara sikap-sikap dan perhubungan-perhubungan dengan orang lain. Azizi Yahaya (2004), menjelaskan lagi Teori Heider ini berkepentingan untuk membincangkan kepentingan hubungan antara guru dengan pelajar dan teladan guru bagi mewujudkan pembelajaran yang berkesan.

Menurut Abdullah Hassan, Ainon Mohamad (2000) hubungan baik antara guru dan murid tidak terjalin mesra kerana guru sering menakut-nakutkan, mengugut dan mengancam murid-murid supaya mereka patuh kepada mereka. Salah satu kecenderungan orang yang menggunakan teknik ugutan dan ancaman ialah sekiranya sedikit ancaman tidak berjaya membuat murid-murid mereka patuh, maka mereka akan menokok lagi ugutan dan ancaman. Setiap kali ugutan itu gagal, setiap kali ugutan yang lebih besar akan diucapkan. Sebagai contoh, guru-guru suka mengatakan segala perkara buruk akan menimpa nasib mereka apabila mereka gagal peperiksaan seandainya mereka malas belajar. Walaupun telah di nyatakan bahawa murid-murid akan hidup susah, miskin dan lain-lain tetapi sikap murid-murid yang malas belajar tetap tidak berubah. Di sini berlaku ketidakseimbangan.

Apa yang perlu dilakukan oleh guru ialah guru perlu menjalin hubungan baik dengan pelajar iaitu menjayakan hubungan positif P - O dan dijangkakan hubungan P - X yang positif diperolehi. Oleh itu, hubungan guru dan pelajar yang baik sentiasa mendorong pelajar supaya lebih berminat dalam pelajaran. Sebaliknya jika pelajar tidak menyukai guru maka kesan pembelajaran turut dikurangkan. Menurut Maarof Redzuan (2001) sikap adalah sebagai 'alat' yang dapat membantu kita memaksimumkan ganjaran dan meminimumkan hukuman atau risiko masa hadapan. Dengan mempunyai sikap positif terhadap kelompok, memudahkan kita untuk menyesuaikan diri dalam kelompok tersebut.

Menurut Abdullah Hassan, Ainon Mohamad (2000), mereka menjelaskan untuk mengelak daripada murid-murid menjadi defensif, guru-guru hendaklah menukar gaya menilai dan mengkritik kepada gaya 'mendukung'. Gaya komunikasi yang mendukung sangat besar pengaruhnya kepada keseronokan dan kepuasan hubungan guru dan murid-muridnya. Semakin banyak guru menggunakan gaya bahasa ini, semakin tinggi rasa seronok dan puas dinikmati oleh kedua-dua belah pihak. Suasana yang mendukung menyebabkan murid berasa diri mereka diberi kepercayaan yang penuh oleh guru dan mereka berasa yakin pada diri sendiri.

Sekiranya hubungan baik sudah terjalin antara guru dan murid, maka mudahlah guru untuk menyampaikan mesejnya. Murid akan mendengar sahaja apa yang disuruh oleh orang yang mereka sukai dan sayangi. Ini bermaksud, guru telah berjaya menasihati muridnya agar rajin belajar dan nasihat guru didengari serta diikuti oleh murid tersebut. Dengan ini, maka berlakulah proses keseimbangan seperti yang dinyatakan oleh Heider.

Guru perlu positif dan dedikasi menyampaikan pelajaran. Hal ini bukan sahaja dapat mengurangkan sikap dan tingkah laku negatif murid tetapi juga dapat mempertingkatkan taraf pencapaian akademik pelajar. Guru yang positif dalam mendidik murid serta suasana yang sihat dalam proses pembelajaran merupakan asas penting dalam melahirkan pelajar yang bermoral tinggi serta berilmu. Dengan itu memang benarlah apa yang dikatakan oleh Heider, hubungan guru dan pelajar positif, guru berinovasi tinggi dalam kerjaya akan menjadikan pelajar minatnya belajar dan menghindari tingkah laku yang negatif. Maka Teori Keseimbangan telah berlaku di sini.

### **3.2.2 Teori Hierarki Keperluan Maslow**

Mengikut Atan Long ( 1976 : 131 ), Abraham Maslow (1970) telah menjelaskan bahawa keperluan-keperluan manusia itu berperingkat-peringkat. Keperluan yang terletak paling bawah dalam senarai hieraki adalah keperluan yang paling perlu diberi keutamaan dan keperluan yang paling tinggi dalam hieraki adalah keperluan yang paling lemah.

Bukan kesemua keperluan ini perlu dipenuhi pada masa sama. Hanya satu keperluan yang akan mendominasi personaliti kita. Keperluan ini adalah bergantung kepada keperluan-keperluan lain yang telah dipenuhi. Pada pendapat Maslow, keutamaan keperluan ini boleh berubah-ubah ataupun bertukar mengikut situasi. Keperluan manusia dapat disusun mengikut hierarki yang dikategorikan kepada lima peringkat. Gambaran dan penjelasan berkaitan Teori Hierarki Keperluan Maslow adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.1 berikut:

Rajah 3.1 Teori Hierarki Keperluan Maslow



- a) Keperluan Fisiologi - mengikut teori Maslow, peringkat ini merupakan keperluan yang paling asas. Keperluan ini adalah penting bagi kehidupan manusia. Keperluan asas ini merangkumi apa yang diperlukan untuk diri atau fizikal seseorang seperti keperluan mendapatkan makanan, minuman dan tempat tinggal. Membicarakan teori motivasi Maslow, pelajar-pelajar yang mendapat kurang makanan tidak dapat menumpukan perhatian yang sepenuhnya terhadap pelajaran mereka. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, para guru sepatutnya memberikan perhatian dan mengambil berat kepada tanda-tanda yang menunjukkan apa-apa kekurangan dari segi fizikal pelajar itu. Sekiranya keperluan ini tidak dipenuhi, pelajar akan kurang bermotivasi.
  
- b) Keperluan Keselamatan - telah menjadi lumrah aspek keselamatan amat penting dalam hidup. Sebagai contoh di dalam kelas, pelajar-pelajar memerlukan keselamatan daripada seorang guru iaitu dalam bentuk disiplin. Oleh itu dari peringkat awal lagi, mereka perlu diajar akan disiplin ini dan wajarlah ibu bapa memainkan peranannya dalam mendidik dan mengajari mereka.


- c) Keperluan Kasih Sayang - keperluan ini diperlukan untuk mendapatkan hubungan yang mesra. Kebiasaan yang berlaku di dalam kelas, pelajar kadang-kadang akan berasa terganggu apabila terjadi perkelahian atau perbalahan antara satu sama lain dan menyebabkan mereka tidak dapat menumpukan perhatian terhadap proses pembelajaran. Keadaan ini akan menjadi lebih kritikal dan tegang jikalau mereka dimarahi pula oleh guru dan dikenakan denda. Situasi ini akan menimbulkan rasa tidak senang di kalangan pelajar terbabit dan merasakan diri mereka seolah-olah tidak disukai, dihargai atau tidak dipedulikan oleh guru mahupun kawan-kawan. Dalam konteks ini, guru perlulah memberi tunjuk ajar kepada mereka dengan menasihati atau mengadakan sesi kaunseling untuk mengeratkan hubungan yang baik sesama mereka. Melalui cara ini, pelajar akan merasakan mereka diterima, dihormati serta dihargai. Secara tidak langsung, proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan lancar.
- d) Keperluan Penghargaan - Satu unsur besar dalam pembinaan konsep sendiri adalah penghargaan. Penghargaan oleh keluarga, guru dan rakan sebaya amatlah penting. Pelajar yang dihargai kerap kali memperolehi prestasi akademik yang tinggi. Keperluan ini juga mendorong pelajar untuk belajar dan mencari pengetahuan dengan membaca buku, mentelaah dan menjalani proses pembelajaran sekaligus dapat mengurangkan masalah disiplin pelajar.
- e) Keperluan Kesempurnaan Diri - Peringkat penyempurnaan sendiri ini adalah peringkat yang paling tinggi dan hanya diperolehi apabila semua keperluan peringkat bawah telah dipenuhi. Untuk membina konsep sendiri yang positif dalam diri pelajar, ibu bapa dan para pendidik perlu memberi dorongan, bantuan dan sokongan kepada mereka. Di sekolah, terdapat banyak ruang atau peluang-peluang yang diberi atau disediakan kepada pelajar-pelajar untuk mencapai peringkat penyempurnaan sendiri ini seperti pemilihan aktiviti oleh pelajar sendiri dan sesi bimbingan kaunseling. Apabila pelajar berusaha untuk mencapai peringkat penyempurnaan sendiri, maka mereka mesti belajar dengan tekun, bersungguh-sungguh dan berdisiplin.



### 3.2.3 Teori Personaliti ‘The Big Five’

Teori ini mencadangkan personaliti dapat diukur berdasarkan lima dimensi utama. Pada tahun 1990, JM Digman memajukan model ‘BIG 5’ yang diperluaskan oleh Goldberg. Lima faktor yang telah dikenal pasti untuk menggambarkan personaliti adalah seperti ditunjukkan dalam Rajah 3.2 berikut :

Rajah 3.2 Trait Personaliti Big Five



#### a) *Extraversion*

*Extraversion* bersifat aktif, gemar bercakap dan suka bersosial. Jika pelajar yang memiliki sifat ini jika tidak mengawal diri dengan baik, ia akan menimbulkan masalah tingkah laku dalam bilik darjah kerana akan membuat bising akibat daripada sifat yang suka bercakap. Pelajar jenis *extraversion* perlu bijak memilih rakan kerana akibat sifat yang ‘friendly’ dan suka bersosial boleh menyebabkan mereka akan terpengaruh dengan rakan yang bersifat negatif dan menjerumuskan mereka dalam masalah tingkah laku seperti vandalisme, bergaduh, buli, ponteng, merokok dan lain-lain aktiviti negatif yang bercorak kumpulan.

b) *Openness*

*Openness* bersikap terbuka kepada idea-idea baru dan perubahan. Pelajar yang memiliki sifat ini mempunyai banyak idea, cepat memahami sesuatu perkara dan mempunyai daya imaginasi yang tinggi.

c) *Conscientiousness*

Individu yang memiliki tret personaliti ini merupakan individu yang boleh diharap, daya tahan yang tinggi, efisien dan sistematik. Individu yang rendah dalam tret ini pula akan bersikap tidak bertanggungjawab, tidak cermat dan tidak sistematik. Tret ini merupakan suatu tret personaliti yang sangat penting bagi pelajar di sekolah kerana hanya individu yang mempunyai daya yang tinggi dan bersemangat akan berjaya dalam bidang akademik. Jika pelajar memiliki tret personaliti yang rendah dalam *conscientiousness*, mereka berkemungkinan tinggi untuk bertingkah laku secara bermasalah kerana sifat mereka adalah tidak bertanggungjawab dan tidak sistematik. Mereka akan cuai dalam melaksanakan sesuatu tugas yang diberi. Ini ditambah lagi dengan semangat mereka yang rendah yang akan menyebabkan mereka akan ketinggalan dalam bidang akademik. Jika guru tidak mengesan dari peringkat awal dan memberi motivasi kepada mereka ini, berkemungkinan mereka akan menarik diri daripada sekolah dan terlibat dengan aktiviti ponteng dan melepak di luar sekolah.

d) *Agreeableness*

Jika pelajar memiliki tret personaliti yang rendah dalam *agreeableness*, mereka akan bersikap degil, suka bermusuhan, syak wasangka dan ini merupakan sikap negatif yang akan mendorong kepada masalah disiplin. Tidak mustahil pelajar yang memiliki personaliti ini akan terlibat dengan pergaduhan, membuli, melawan guru, tidak melakukan sesuatu yang telah diarahkan, tidak patuh kepada ibu bapa dan pelbagai sikap negatif yang lain. Bagi pelajar yang memiliki tret personaliti yang tinggi dalam *agreeableness*, mereka mementingkan kerjasama dan suasana yang harmoni, bertimbang rasa, mudah berkawan, bermurah hati, suka membantu serta boleh bertolak ansur.

*e) Neuroticism*

Pelajar yang memiliki personaliti ini berkecenderungan mengalami emosi negatif seperti kebimbangan, marah, tekanan, sering beranggapan situasi biasa sebagai situasi yang mengancam dan sering merasa kecewa. Jika individu dalam keadaan emosi tidak stabil, pelbagai tingkah laku negatif akan muncul seperti bertindak mengikut perasaan, melanggar peraturan sekolah dan melakukan kesalahan disiplin di sekolah.

### **3.3 Penemuan Kajian Lepas**

Terdapat beberapa kajian dari pengkaji terdahulu berkaitan disiplin pelajar. Mengikut kajian Anwar Abdul Rahman (1990), sekolah adalah antara institusi pengajian yang memainkan peranan penting dalam mengawasi pergerakan pelajar di samping bertindak sebagai jawatankuasa pelaksana akta disiplin yang memantau peraturan pelajar dari semasa ke semasa dan terdapat banyak faktor yang boleh mempengaruhi disiplin di kalangan pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Baker (1985) menyatakan bahawa sekolah hari ini menghadapi gejala-gejala yang tidak baik seperti kejahatan, keganasan dan jenayah yang patut diberi perhatian oleh pihak sekolah kerana ia tidak diterima oleh masyarakat. Menurut Fiedler dan Toker (1982), disiplin yang baik boleh menjamin ketenteraman pembelajaran di sekolah. Alam sekolah yang baik boleh menghasilkan pelajar-pelajar yang baik dan berdisiplin. Iklim pembelajaran yang baik adalah iklim yang mempunyai disiplin yang baik.

Menurut Marimuthu (1980), organisasi dan struktur sekolah yang menekankan peperiksaan, ganjaran dan hukuman serta sikap dan harapan guru akan menggalakkan masalah disiplin di kalangan pelajar yang lemah dari segi akademik. Pelajar yang lemah dan selalu gagal dalam peperiksaan akan merasa kecewa dan akan hilang minat untuk belajar.

Boyson (1973) berpendapat bahawa kawalan persekitaran persekolahan yang ketat akan menimbulkan keadaan tidak berdisiplin di kalangan pelajar. Pelajar-pelajar akan cuba menentang kawalan ketat ini dengan melakukan pelbagai perbuatan yang tidak berdisiplin seperti tidak menghormati guru, tidak bersopan dan juga menentang guru.

### **3.4 Rumusan**

Mengikut Bahagian 3.2 dan 3.3, dapat dirumuskan bahawa disiplin diperlukan di sekolah untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang positif. Guru memainkan peranan yang penting ke atas pengurangan masalah disiplin pelajar dengan membentuk mereka ke arah insan yang boleh berdikari, berinteraksi dan bekerjasama.

## **BAHAGIAN EMPAT**

### **KAEDAH KAJIAN**

#### **4.1 Takrif Kaedah Kajian**

Kajian merupakan suatu usaha yang dilakukan samada secara individu atau berkumpulan bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan. Mengikut Rukyah Nahu (2012), kaedah kajian merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Kaedah kajian merujuk kepada cara yang digunakan oleh seseorang individu untuk memahami situasi, menyelesaikan masalah dan juga mengenalpasti sesuatu isu.

Kaedah kajian merupakan langkah-langkah atau prosedur yang digunakan untuk mencapai objektif kajian dan langkah seterusnya ialah menentukan strategi yang perlu diambil untuk melaksanakan kajian ini. Dengan menggunakan kaedah soal selidik, pengkaji memperolehi data dan maklumat yang lengkap dan tepat. Dalam setiap penyelidikan atau kajian yang dilakukan, kaedah yang digunakan sangat penting untuk menentukan kesahihan kajian yang akan dilakukan.

#### **4.2 Pendekatan dan Jenis Kajian**

Kajian merupakan satu aktiviti berhubung dengan usaha untuk memperoleh dan menganalisis maklumat untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah. Dua pendekatan kajian adalah kajian kualitatif dan kajian kuantitatif.

Kajian kualitatif menerangkan proses, langkah dan sebab sesuatu perkara berlaku. Kajian kualitatif memerlukan data-data kualitatif melalui kaedah temu bual atau pemerhatian yang teliti secara mendalam. Banyak unsur seperti emosi dan motivasi yang berkaitan dengan semula jadi individu atau kumpulan lebih sesuai diselidik melalui kajian kualitatif kerana unsur-unsur ini tidak dapat dihuraikan berdasarkan angka-angka. Contohnya sebab seorang pelajar yang sering ponteng sekolah dan keberkesanan hukuman ke atas murid yang melanggar disiplin sekolah.

Kajian kuantitatif adalah berbentuk fakta yang berasaskan kepada bukti dan rekod tertentu. Kajian tersebut juga menggunakan angka, skor dan kekerapan.

Kaedah kajian yang biasa digunakan adalah kaedah tinjauan dan kajian deskriptif. Dalam kajian deskriptif, data dipungut daripada seluruh populasi dan statistik asas seperti frekuensi, peratusan, satu sampel yang terdiri daripada subjek-subjek yang dipilih secara rawak daripada populasi di bawah kajian dan data numerika dipungut daripada sampel tersebut untuk diuji dengan menggunakan ujian statistik.

### **4.3 Sumber Data**

Data-data yang dikumpulkan dalam sesuatu kajian boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah data yang berasal dari sumber asli atau pertama yang bukan diambil dari mana-mana sumber sedia ada. Contoh data primer adalah data yang diperoleh dari responden melalui borang kaji selidik, maklumat daripada temubual dan catatan pemerhatian.

Data sekunder merupakan data yang diperoleh daripada sumber sedia ada untuk kegunaan penyelidik. Contoh data sekunder adalah rekod organisasi, laporan tahunan dan minit mesyuarat.

### **4.3.1 Data Primer**

Data primer adalah data yang dikumpulkan sendiri oleh penyelidik untuk menguji hipotesis dalam kajiannya. Menurut Rohana Yusof (2004), Penyelidikan Sains Sosial, data primer adalah data yang berasal dari sumber asli atau pertama. Data primer ialah data asal yang dikumpul secara khususnya untuk menjawab persoalan kajian (Sabitha Marican, 2005).

Data primer tidak tersedia dalam bentuk fail dan sumber-sumber maklumat diperolehi melalui kaedah-kaedah seperti kaji selidik, pemerhatian atau temu bual. Pengkaji menggunakan alat kaji selidik seperti borang soal selidik, borang temu bual, borang pemerhatian, laporan tinjauan dan seumpamanya. Maklumat yang dikumpul adalah terkini dan tidak usang kerana pengkaji akan membuat kerja lapangan dengan menggunakan alat penyelidikan yang diselaraskan dan diubah suai dengan persekitaran dan keadaan semasa.

Kelemahan data primer ialah :

- a) Ia memerlukan masa yang panjang dan data sukar dikumpulkan.
- b) Ia memerlukan kos yang tinggi

Kelebihan data primer ialah :

- a) Maklumat data primer adalah tepat kerana pengkaji menyediakan soalan sejajar dengan objektif kajian yang dijalankan.
- b) Maklumat data primer terkini dan tidak usang.

### **4.3.2 Data Sekunder**

Menurut Sabitha Marican (2005), data sekunder ialah data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Data sekunder adalah maklumat yang diperolehi daripada sumber sedia ada dan ianya bertentangan dengan sumber data primer. Pada awalnya ianya dikumpul untuk tujuan lain tetapi sesuai digunakan untuk menjawab persoalan kajian yang dijalankan pengkaji masa kini.

Sumber-sumber data sekunder boleh diperolehi melalui jurnal, buku, majalah, laporan, internet, tesis, cerpen, surat khabar, ucapan dan sebagainya. Contoh-contoh data sekunder ialah rekod organisasi, dokumen awam, dokumen pentadbiran, laporan prestasi, laporan tahunan, minit mesyuarat dan lain-lain.

Kelebihan data sekunder ialah :

- a) Ia lebih mudah didapati dan boleh diperolehi dari sumber awam
- b) Ia murah disebabkan penjimatan masa dan kos dalam mendapatkan maklumat.
- c) Ia memberi idea asas dalam mereka bentuk pengkajian yang baru.

Kelemahan data sekunder ialah :

- a) Maklumat mungkin telah ketinggalan zaman atau usang.
- b) Data yang dipersembahkan oleh pengkaji lain mungkin tidak menepati objektif pengkaji yang membuat kajian sekarang.
- c) Reka bentuk kajian tidak dapat dipastikan.

#### **4.4 Kaedah yang Digunakan dalam Kajian**

Beberapa kaedah kajian telah digunakan untuk mendapatkan data bagi kajian ini. Kaedah-kaedah ini digunakan bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah betul dan tepat. Kajian ini menggunakan kaedah kajian yang berbentuk kuantitatif dan juga kualitatif. Kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder tetapi kebanyakan data yang digunakan adalah data primer. Sumber data sekunder yang digunakan adalah melalui laporan tahunan dan buku pengurusan takwim Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Utama Damansara 4, rekod sekolah dan sumber internet. Melalui sumber data sekunder ini, pengkaji mendapatkan maklumat mengenai jenis-jenis masalah disiplin pelajar yang berlaku di sekolah dari tahun 2012 sehingga 2014.



Sumber data primer diperolehi menggunakan kaedah kaji selidik dengan mereka bentuk borang soal selidik yang sesuai dengan tajuk yang dikaji. Pengkaji sendiri telah mereka bentuk borang soal selidik yang disesuaikan dengan matlamat dan objektif kajian ini. Borang soal selidik tersebut yang berbentuk skala Likert 5 diedarkan kepada 60 orang responden yang meliputi dua kategori iaitu kategori guru dan kategori pelajar. Pengkaji mereka bentuk dua jenis borang soal selidik iaitu 30 set untuk guru dan 30 set untuk pelajar. Borang soal selidik ini diedarkan dengan cara bersemuka dengan responden dan kemudiannya dikumpul kembali 60 set borang soal selidik tersebut selepas dua jam. Ini menunjukkan kadar kejayaan 100 peratus diperolehi.

Pengkaji memilih cara bersemuka dengan responden kerana melalui cara tersebut, pengkaji dapat memastikan semua soalan di dalam borang soal selidik dijawab oleh responden dan dapat mengelakkan daripada berlakunya masalah responden yang dipilih tidak memulangkan borang soal selidik tersebut atau memulangkan borang yang tidak lengkap. Pengkaji menyediakan borang soal selidik bagi memudahkan kerja-kerja mengumpul data, menganalisis data dan menyediakan laporan kajian yang lebih sistematik dan lengkap.

#### **4.4.1 Borang soal selidik untuk pelajar**

Struktur soalan-soalan di dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu :-

“Rujuk Lampiran A” untuk borang soal selidik berkenaan di sini.

Bahagian A – Demografi Responden yang merangkumi maklumat jantina, bangsa, tingkatan dan bilangan adik beradik responden.

Bahagian B – Sifat Kendiri yang merangkumi maklumat sifat diri responden.

Bahagian C – Punca-punca Masalah Disiplin yang merangkumi maklumat empat faktor yang menyebabkan berlakunya masalah disiplin pelajar iaitu faktor ibu bapa, sekolah atau guru, rakan-rakan dan media massa.

#### **4.4.2 Borang soal selidik untuk guru**

Struktur soalan-soalan di dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada guru dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu :-

“Rujuk Lampiran B” untuk borang soal selidik berkenaan di sini.

Bahagian A – Demografi Responden yang merangkumi maklumat jantina, bangsa, umur dan bilangan tahun responden berkhidmat di SMK BUD4.

Bahagian B – Punca-punca Masalah Disiplin yang merangkumi maklumat empat faktor yang menyebabkan berlakunya masalah disiplin pelajar iaitu faktor ibu bapa, sekolah atau guru, rakan-rakan dan media massa.

Bahagian C – Kesan-kesan Masalah Disiplin yang merangkumi maklumat berkaitan kesan masalah disiplin pelajar SMK BUD4 terhadap individu, sekolah, keluarga, masyarakat dan negara

#### **4.5 Kekangan Kajian**

Faktor masa merupakan kekangan utama kajian ini. Tempoh masa tiga bulan yang diberikan adalah suatu tempoh masa yang pendek untuk menjalankan dan menyiapkan kajian ini secara terperinci. Oleh kerana pengkaji bekerja di sebuah organisasi, kajian ini hanya dapat dijalankan selepas waktu kerja, waktu rehat, hujung minggu dan pada hari cuti.

Terdapat beberapa maklumat yang tidak dapat diperolehi bagi kajian ini kerana sikap beberapa pekerja yang tidak bersedia untuk bekerjasama dalam menjayakan kajian ini. Mereka tidak memberikan data yang diminta pada waktu yang ditetapkan dan melambatkan lagi tempoh proses kajian ini. Bagaimanapun, data yang telah dikumpulkan adalah benar dan boleh digunakan.

## **BAHAGIAN 5**

### **ANALISIS KAJIAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji masalah disiplin pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Utama Damansara 4 (SMKBUD4). Bahagian ini mempersembahkan perincian yang diperolehi daripada data-data yang telah dikumpulkan sama ada data sekunder atau data primer berpandukan kepada kaedah kajian yang dinyatakan dalam Bahagian 4 laporan ini. Data primer diperolehi daripada sampel kajian yang terdiri daripada 60 responden yang merupakan guru dan pelajar SMKBUD4 melalui borang soal selidik yang direka bentuk sendiri oleh pengkaji.

Sampel kajian atau responden yang dipilih untuk kajian ini ialah 30 pelajar SMKBUD4 yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima. Pemilihan sampel ini adalah berdasarkan pelajar yang mempunyai masalah disiplin dan pelajar yang tidak mempunyai masalah disiplin. Pelajar yang mempunyai masalah disiplin dikenalpasti dengan menyemak Buku Rekod Disiplin Pelajar. Tiga puluh guru yang sedang berkhidmat di SMKBUD4 juga dipilih sebagai sampel kajian ini. Data sekunder pula diperolehi daripada jabatan pentadbiran dan jabatan disiplin sekolah yang menyediakan laporan tahunan sekolah dan buku rekod unit disiplin bagi tahun 2012 hingga 2014.

Keputusan kajian akan dianalisis dalam dua bahagian kecil iaitu keputusan analisis data sekunder dan analisis data primer iaitu data daripada borang soal selidik. Maklumat-maklumat ini akan dipersembahkan dalam bentuk rajah dan jadual yang lengkap dengan huraian yang terperinci. Keputusan kajian ini adalah untuk menjawab soalan-soalan kajian yang telah diutarakan pada bahagian satu.

## 5.2 Analisis Data Sekunder

Jadual 5.1 menunjukkan perincian kes-kes disiplin pelajar yang diperolehi daripada analisis data sekunder iaitu rekod unit disiplin sekolah bagi tahun 2012 hingga 2014. Maklumat dalam jadual memenuhi objektif pertama kajian ini iaitu untuk mengenal pasti jenis-jenis masalah disiplin pelajar di sekolah bagi tempoh 2012 hingga 2014. Terdapat tujuh jenis masalah disiplin yang dialami oleh pelajar di SMK Bandar Utama Damansara 4 iaitu bergaduh dengan rakan, mencuri, merokok, ponteng kelas, ponteng sekolah, lewat ke sekolah dan membuli kawan.

Jumlah bilangan kes disiplin pelajar telah meningkat daripada 6901 kes pada tahun 2012 kepada 9393 kes pada tahun 2014. Ini menunjukkan bilangan kes ini meningkat hampir 1.4 kali dalam tempoh tiga tahun ini. Berdasarkan maklumat data sekunder ini, tiga masalah disiplin pelajar yang utama dapat dikenal pasti ialah kes lewat ke sekolah, ponteng kelas dan membuli kawan. Kes lewat ke sekolah telah meningkat daripada 6314 kes pada tahun 2012 kepada 8562 kes pada tahun 2014. Ini menunjukkan peratusan kes ini telah meningkat sebanyak 35.6 % dan semakin ramai pelajar yang lewat ke sekolah dalam tempoh tiga tahun ini. Bilangan kes ponteng kelas pula meningkat sebanyak 45.5 % dalam tempoh tiga tahun ini. Ini bermakna masalah disiplin pelajar di SMKBUD4 semakin meningkat dan langkah-langkah bagi menangani masalah ini wajar diambil dengan segera.


Jadual 5.1 : Statistik masalah disiplin pelajar dari tahun 2012 - 2014

Kes	2012	2013	2014
Bergaduh dengan rakan	7	4	5
Mencuri	5	2	1
Merokok	21	25	33
Ponteng kelas	343	402	499
Ponteng sekolah	87	94	123
Lewat ke sekolah	6314	7431	8562
Membuli rakan	124	156	170
Jumlah	6901	8114	9393

Sumber: Rekod Jabatan Unit Disiplin SMKBUD4

Rajah 5.1 menunjukkan bilangan kes-kes disiplin mengikut tingkatan bagi tahun 2014. Maklumat dalam rajah menunjukkan kekerapan masalah disiplin yang tinggi pada tahun 2014 adalah di kalangan pelajar-pelajar Tingkatan 4 iaitu seramai 2325 orang diikuti pelajar Tingkatan 1 seramai 2262 orang, pelajar Tingkatan 3 seramai 1716 orang, pelajar Tingkatan 2 seramai 1597 orang dan pelajar Tingkatan 5 seramai 1493 orang. Ini menunjukkan pelajar Tingkatan 4 mempunyai peratusan yang tinggi dalam masalah disiplin iaitu sebanyak 25 % berbanding pelajar Tingkatan 1 sebanyak 24 % dan pelajar Tingkatan 3 sebanyak 18 %.

Rajah 5.1 : Bilangan kes disiplin pelajar mengikut tingkatan bagi tahun 2014



Sumber : Rekod Jabatan Unit Disiplin SMK BUD4.

### 5.3 Analisis Data Primer

Bagi analisis data primer, data yang diperolehi daripada jawapan borang soal selidik dianalisis dan dikemukakan. Keputusan yang diambil semuanya berdasarkan pentafsiran ke atas hasil pemprosesan data yang diperolehi daripada jawapan borang soal selidik. Dua jenis borang soal selidik telah direka bentuk untuk kajian ini iaitu untuk pelajar dan guru. Seramai 30 responden pelajar dan 30 responden guru telah memberikan maklum balas daripada sejumlah 60 borang soal selidik yang diedarkan. Berikut akan dibentangkan hasil kajian dan perbincangan mengenainya.

### 5.3.1 Analisis Borang Soal Selidik Responden


Keputusan analisis soal selidik responden dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis latar belakang responden pelajar dan analisis latar belakang responden guru. Analisis latar belakang responden pelajar telah dilakukan ke atas 30 responden. Analisis ini dibahagikan mengikut ciri-ciri latar belakang seperti kategori jantina, bangsa, tingkatan dan bilangan adik beradik. Analisis latar belakang responden guru pula telah dilakukan ke atas 30 responden dan dibahagikan mengikut ciri-ciri latar belakang seperti kategori jantina, umur, bangsa dan tempoh berkhidmat. Pembahagian ini bertujuan untuk menjadikan huraian analisis soal selidik responden akan lebih fokus dan jelas.

### 5.3.2 Analisis Latar Belakang Responden Pelajar

#### a) Jantina dan Tingkatan


Seramai 30 orang responden telah dipilih. Rajah 5.2 menunjukkan 53 peratus atau seramai 16 daripada responden dalam kajian ini adalah pelajar lelaki manakala seramai 14 orang responden atau 47 peratus adalah perempuan. Penyelidik memasukkan item ini bertujuan untuk mengetahui persepsi pelajar lelaki dan perempuan mengenai masalah disiplin di sekolah. Selain itu, jantina mempengaruhi sesuatu keputusan dalam kajian ini kerana ia dapat mengembangkan keputusan kajian agar maklumat diperolehi tepat dan seimbang.

Rajah 5.2 Taburan Responden Pelajar Mengikut Jantina (n=30)



Rajah 5.3 menunjukkan bahawa kebanyakan responden dalam kajian ini ialah pelajar Tingkatan 4 iaitu seramai 13 orang atau 43 peratus, 23 peratus adalah pelajar Tingkatan 2 iaitu seramai 7 orang, 17 peratus ialah pelajar Tingkatan 3 yang mewakili 5 orang, 10 peratus adalah pelajar Tingkatan 1 iaitu seramai 3 orang dan 7 peratus pelajar Tingkatan 5. Hal ini menunjukkan bahawa responden kajian ini adalah dari pelbagai umur.


Rajah 5.3 Taburan Responden Pelajar Mengikut Tingkatan (n=30)



**b) Bangsa**

Rajah 5.4 menunjukkan bahawa majoriti responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada bangsa Melayu iaitu seramai 14 orang pelajar yang mewakili 47 peratus. Responden yang berbangsa Cina adalah seramai 10 orang atau 33 peratus dari jumlah responden, diikuti bangsa India seramai 4 orang iaitu 13 peratus dan lain-lain seramai 2 orang atau 7 peratus.


Rajah 5.4 Taburan Responden Pelajar Mengikut Bangsa (n=30)



c) **Bilangan adik-beradik**

Rajah 5.5 menunjukkan bahawa majoriti responden dalam kajian ini mempunyai bilangan adik beradik 3 hingga 4 orang iaitu seramai 14 pelajar yang mewakili 47 % diikuti dengan responden yang mempunyai bilangan adik beradik 1 hingga 2 orang seramai 12 orang iaitu 40 % dan terdapat 4 orang responden yang mempunyai bilangan adik beradik 5 hingga 6 orang iaitu sebanyak 13 %. Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan, bilangan adik beradik turut mempengaruhi dalam kajian ini.

Rajah 5.5 Taburan Responden Mengikut Bilangan adik-beradik (n=30)





### 5.3.3 Analisis Latar Belakang Responden Guru

Jadual 5.2 menunjukkan taburan latar belakang responden guru di mana kebanyakan responden dalam kajian ini ialah guru perempuan iaitu sebanyak 66.7 % dan 33.3 % peratus adalah responden perempuan. Responden yang dipilih terdiri daripada pelbagai bangsa iaitu seramai 15 orang guru Melayu, 9 orang Cina dan 6 orang India. Sebanyak 36.7 % adalah responden yang terdiri daripada guru yang berumur dalam lingkungan 31 – 35 tahun diikuti 26.7 % responden berumur lebih 41 tahun, 23.3 % responden berumur 26 – 30 tahun dan 13.3 % responden dalam lingkungan 36 – 40 tahun. Bersesuaian dengan umur responden, majoriti responden yang dipilih adalah terdiri daripada guru- guru berpengalaman dan telah berkhidmat di SMKBUD4 dari 6 – 10 tahun seramai 13 orang diikuti responden yang telah berkhidmat 2 – 5 tahun seramai 12 orang, lebih dari 11 tahun seramai 3 orang dan kurang dari setahun seramai 2 orang. Hasil analisis ini berguna untuk melihat umur dan tempoh perkhidmatan guru juga menjadi faktor kepada masalah disiplin pelajar sekolah.

Jadual 5.2 : Latar belakang responden (n=30)

<b>Perkara</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
<b>Jantina</b>		
Lelaki	20	66.7
Perempuan	10	33.3
<b>Bangsa</b>		
Melayu	15	50.0
Cina	9	30.0
India	6	20.0
<b>Umur (tahun)</b>		
26 – 30	7	23.3
31 – 35	11	36.7
36 – 40	4	13.3
> 41	8	26.7
<b>Bilangan tahun berkhidmat</b>		
< 1 tahun	2	6.7
2 – 5 tahun	12	40.0
6 – 10 tahun	13	43.3
> 11 tahun	3	10.0

### **5.3.4 Faktor-faktor Penyebab Masalah Disiplin Pelajar di SMKBUD4**

Masalah disiplin pelajar boleh dilihat daripada pelbagai sudut dan banyak puncanya. Langkah mengenal pasti masalah ini penting kerana hanya dengan mengetahui punca-punca, strategi penyelesaian yang berkesan dapat diatur dengan rapi. Bahagian ini adalah untuk memenuhi objektif kedua kajian iaitu untuk mendapatkan data daripada responden dan menentukan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah disiplin pelajar. Faktor utama yang menyebabkan berlakunya masalah disiplin pelajar adalah faktor sifat sendiri pelajar.

#### **a) Sifat Kendiri Pelajar**

Jadual 5.3 menunjukkan sebanyak 70 peratus responden bersetuju bahawa kesedaran diri sendiri adalah lebih baik dalam membentuk disiplin yang berkesan. Berdasarkan kepada data dalam borang soal selidik, sebanyak 23.3 peratus responden tidak bersetuju, 60 peratus responden sederhana bersetuju dan 16.7 peratus bersetuju dengan pernyataan “Saya terlalu lemah dalam beberapa mata pelajaran”. Responden juga mengalami masalah tidak berminat untuk belajar iaitu seramai 66.7 peratus bersetuju dan hanya 23.3 peratus responden sahaja yang tidak bersetuju.

Sebanyak 80 peratus bersetuju bersetuju bahawa mereka malu bertanya apa yang tidak faham merupakan faktor berlakunya masalah disiplin. Didapati ramai responden iaitu 15 orang yang bersetuju dengan pernyataan “Saya senang terikut dengan ajakan atau pengaruh orang lain” berbanding hanya 2 orang tidak bersetuju. Sebanyak 13.3 peratus responden sederhana bersetuju, 43.3 peratus responden bersetuju dan 26.7 peratus sangat bersetuju dengan pernyataan “Saya suka mencuba sesuatu yang baharu.” Ini menunjukkan pelajar yang lemah dalam sesuatu pelajaran, tidak berminat untuk belajar dan malu bertanya menyebabkan mereka melanggar peraturan sekolah. Sikap pelajar yang senang terikut dengan pengaruh orang dan suka mencuba sesuatu juga merupakan faktor yang menyebabkan mereka mengalami masalah disiplin.


Jadual 5.3 : Peratusan Sifat Kendiri Responden (n=30)

No	Perkara	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1.	Kesedaran diri penting dalam membentuk disiplin yang berkesan.	3.3	10.0	13.3	70.0	3.3
2.	Saya terlalu lemah dalam beberapa mata pelajaran.	-	23.3	60.0	16.7	-
3.	Saya tidak berminat untuk belajar.	3.3	23.3	6.7	66.7	-
4.	Saya malu bertanya apa yang tidak faham.	6.7	10.0	3.3	80.0	-
5.	Saya senang terikut dengan ajakan atau pengaruh orang lain	-	6.7	33.3	50.0	10.0
6.	Saya suka mencuba sesuatu yang baharu	6.7	10.0	13.3	43.3	26.7

#### b) Ibu Bapa dan Guru

Rajah 5.6 menunjukkan hasil kajian 60 responden dikaji dan didapati 13.3 peratus responden tidak bersetuju, 26.7 peratus sederhana bersetuju, 31.7 peratus bersetuju dan 28.3 peratus sangat bersetuju dengan pernyataan “Kekurangan penyeliaan atau didikan oleh ibu bapa”. Seramai 16 orang responden sederhana bersetuju, 20 orang bersetuju dan 13 orang sangat bersetuju bahawa kesibukan ibu bapa bekerja merupakan antara faktor menyebabkan berlakunya masalah disiplin pelajar. Ibu bapa yang tidak mendidik dan menyelia anak-anak dengan betul serta kesibukan ibu bapa mencari nafkah menyebabkan anak-anak mereka terabai dan terlibat dalam masalah disiplin. Faktor seterusnya ialah faktor guru. Daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa guru-guru turut berperanan dalam membentuk disiplin pelajar. Sebanyak 20 responden sederhana bersetuju dan 25 responden bersetuju bahawa hubungan guru dengan pelajar yang tidak rapat merupakan faktor penyebab masalah disiplin pelajar. Sebanyak 51.7 peratus responden bersetuju bahawa sifat guru yang garang juga merupakan punca berlakunya masalah disiplin pelajar.

Rajah 5.6 : Persepsi Responden Terhadap Punca Masalah Disiplin Pelajar (n=60)




### c) Rakan-rakan

Rajah 5.7 menunjukkan majoriti responden bersetuju iaitu sebanyak 63.3 peratus bahawa ajakan rakan-rakan dalam melakukan sesuatu perkara merupakan salah satu dari faktor yang menyumbang kepada kemerosotan disiplin seseorang pelajar. Penyelidik mendapati bahawa seorang responden tidak bersetuju, 18 responden sederhana bersetuju, 31 responden bersetuju dan 10 responden sangat bersetuju bahawa pelajar yang dikelilingi atau mempunyai rakan-rakan yang mempunyai masalah disiplin merupakan antara faktor yang menyumbang kepada masalah disiplin. Pengaruh rakan sebaya memang kuat memberi kesan kepada pembentukan peribadi pelajar.

**d) Media massa**

Terdapat pelbagai unsur negatif yang disalurkan melalui media massa terutamanya media elektronik seperti filem ganas dan filem yang tidak sesuai dengan agama, akhlak dan wawasan negara. Rajah 5.7 juga menunjukkan sebanyak 6.7 peratus responden tidak bersetuju, 23.3 peratus sederhana bersetuju, 28.3 peratus bersetuju dan 41.7 peratus sangat bersetuju bahawa menonton filem berunsur negatif dapat mempengaruhi sikap pelajar serta menonjolkan akhlak yang tidak baik dalam proses pembelajaran. Kesannya akan meresap secara halus ke dalam diri mereka tanpa disedari kerana pelajar banyak belajar melalui pemerhatian.

Rajah 5.7 Faktor Rakan dan Media Massa Penyebab Masalah Disiplin Pelajar  
(n=60)



## **5.4 Kesan Masalah Disiplin Pelajar**

Remaja pada hari ini merupakan aset utama dan sangat penting dalam pembangunan negara pada masa akan datang. Kesan jangka panjang dan jangka pendek pasti akan berlaku seandainya remaja dan masyarakat pada hari ini tidak tahu bagaimana untuk menangani permasalahan yang kian meruncing ini, ini menjadikan pembentukan jati diri dan kemuliaan akhlak rapuh dari mata masyarakat kita sendiri. Bahagian ini adalah untuk memenuhi objektif ketiga kajian iaitu untuk mendapatkan data daripada 30 responden guru dan meneliti kesan masalah disiplin pelajar. Jadual 5.4 menunjukkan kesan masalah disiplin pelajar ke atas individu, sekolah, keluarga, masyarakat dan negara.

### **a) Kesan ke atas individu**

Akhlak merupakan peribadi dan cermin diri bagi seseorang individu. Sekiranya seseorang individu itu mempunyai masalah disiplin dan berakhlak buruk, maka peribadi seseorang individu itu juga akan menjadi buruk. Mengikut hasil kajian sebanyak 53.3 peratus responden sangat bersetuju, diikuti 40 peratus bersetuju dan 6.7 peratus sederhana bersetuju bahawa pelajar yang mempunyai masalah disiplin tidak dapat memberikan sepenuh perhatian dalam pelajaran dan menyebabkan prestasi pembelajaran mereka merosot. Pelajar tersebut akan didenda oleh pihak sekolah mengikut jenis kesalahan dan mungkin boleh dibuang sekolah. Ini akan menggelapkan masa depan mereka.

### **b) Kesan ke atas sekolah**

Pelajar yang mempunyai masalah disiplin dapat menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan guru, ibu bapa dan para pelajar lain di sekolah. Seramai 21 responden sangat bersetuju, diikuti 6 responden bersetuju dan 3 sederhana bersetuju bahawa pelajar bermasalah disiplin boleh membawa rekod buruk kepada sekolah dan dapat menjejaskan nama baik sekolah sebagai tempat melahirkan modal insan kelas pertama.

**c) Kesan ke atas keluarga**

Keluarga memainkan peranan yang sangat penting kerana dari institusi kekeluargaanlah kebahagiaan dan keharmonian sesuatu masyarakat itu terbentuk. Keruntuhan sesebuah institusi kekeluargaan akan menyebabkan hilangnya kebahagiaan dan keharmonian yang dialami sesuatu masyarakat. Akhlak seseorang individu remaja yang baik dan mulia datangnya daripada sesebuah institusi kekeluargaan yang harmoni dan bahagia. Sebanyak 66.7 peratus responden sangat bersetuju bahawa pelajar yang mempunyai masalah disiplin akan memberikan kesan yang besar ke atas kebahagiaan dan keharmonian keluarganya dan mengakibatkan wujudnya ketidakharmonian dalam keluarga. Pelajar yang mempunyai masalah disiplin akan mengecewakan harapan kedua-dua ibu bapa mereka dan menjatuhkan imej keluarga mereka.

**d) Kesan ke atas masyarakat**

Jatuh bangunnya sesuatu negara, agama dan bangsa pada masa kini ialah dengan melihat akhlak dan moral sesuatu masyarakat. Tidak dinafikan akhlak remaja pada hari ini sangat membimbangkan masyarakat. Sekiranya hal ini tidak dibendung oleh pihak-pihak yang tertentu, maka tidak hairanlah suatu hari nanti masyarakat di negara ini akan menjadi porak-peranda, berpecah-belah dan tidak bersatu-padu. Akibatnya perasaan buruk dan prasangka akan wujud dalam masyarakat. Sifat saling curiga-mencurigai akan bertahta di hati masyarakat. Hal ini memberi kesan apabila berlaku pergaduhan dalam masyarakat. Isu-isu perkauman akan wujud seandainya pergaduhan ini melibatkan antara dua kaum. Sebanyak 50 peratus responden bersetuju berbanding hanya 23.3 peratus tidak bersetuju bahawa kadar jenayah dalam kalangan masyarakat juga akan meningkat yang mana hal ini disebabkan oleh masalah disiplin di kalangan pelajar.

e) **Kesan ke atas negara**

Dua puluh lima responden sangat bersetuju bahawa implikasi utama terhadap negara jika masalah disiplin pelajar tidak ditangani segera akan menyebabkan negara akan kehilangan pelapis generasi kepimpinan pada masa hadapan. Hal ini akan menjadikan kerancangan pembangunan negara akan terbantut dan keadaan sosioekonomi negara menjadi lembap kerana wujudnya gejala sosial dan keruntuhan akhlak yang tinggi di kalangan masyarakat. Perkara ini menjadikan kadar jenayah dalam negara juga akan meningkat. Seterusnya anasir-anasir luar akan meresap masuk ke dalam negara sekiranya generasi muda pada hari ini tidak tahu menjaga akhlak mereka.

Jadual 5.4 : Peratusan Persepsi Responden Tentang Kesan Masalah Disiplin Pelajar  
(n=30)

No	Perkara	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1.	Prestasi pembelajaran pelajar merosot	-	-	6.7	40.0	53.3
2.	Menjejaskan nama baik sekolah	-	-	10.0	20.0	70.0
3.	Wujudnya ketidakharmonian dalam keluarga	-	13.3	-	20.0	66.7
4.	Kadar jenayah dalam kalangan masyarakat meningkat	-	23.3	20.0	50.0	6.7
5.	Negara akan kehilangan pelapis generasi kepimpinan pada masa hadapan	-	6.7	3.3	6.7	83.3

Berdasarkan keputusan kajian ini, didapati masalah disiplin pelajar SMK BUD4 membawa pelbagai kesan yang negatif, maka pihak sekolah perlu berusaha untuk menyusun langkah-langkah penyelesaian dengan segera supaya ianya dapat ditangani dan dapat meningkatkan prestasi sekolah secara keseluruhannya



## **BAHAGIAN ENAM**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **6.1 Pengenalan**

Kajian mendapati bahawa kemerosotan disiplin yang berlaku di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Utama Damansara 4 agak membimbangkan dan menjadi semakin kritikal bagi tempoh 2012 sehingga 2014. Ini menunjukkan bahawa kadar ini semakin bertambah dalam tempoh kajian ini.

Sejajar dengan ini, kajian ini menggunakan data sekunder dan data primer tetapi kajian ini telah menumpukan lebih perhatian pada data primer. Analisis data sekunder menunjukkan terdapat tujuh jenis masalah disiplin yang dialami oleh pelajar sekolah ini. Analisis data primer yang telah dibuat dengan menggunakan kaedah kaji borang soal selidik menunjukkan wujudnya lima faktor utama yang telah menyebabkan berlakunya peningkatan kadar masalah disiplin pelajar di sekolah secara mendadak.

#### **6.2 Kesimpulan**

Disiplin adalah satu bentuk pengurusan tingkah laku. Disiplin yang baik adalah mengikut peraturan seperti contoh peraturan sekolah. Jika pelajar itu disebut sebagai mempunyai masalah disiplin adalah berkaitan dengan pelanggaran peraturan – peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah. Terdapat pelbagai bentuk masalah disiplin yang dianggap menyalahi peraturan-peraturan sekolah. Dari hasil kajian, jelas bahawa terdapat tujuh jenis masalah disiplin yang dialami oleh pelajar sekolah ini iaitu bergaduh dengan rakan, mencuri, merokok, ponteng kelas, ponteng sekolah, lewat ke sekolah dan membuli kawan.

Masalah disiplin pelajar boleh dilihat daripada pelbagai sudut dan banyak puncanya. Keputusan kajian menunjukkan terdapat lima faktor yang menyebabkan berlakunya masalah disiplin pelajar di sekolah ini iaitu sifat sendiri pelajar tersebut, ibu bapa, guru-guru, rakan-rakan dan media massa.

Faktor sifat diri pelajar merupakan faktor utama yang mendorong mereka melakukan kesalahan disiplin. Pelajar-pelajar yang terlibat dalam masalah disiplin ialah mereka yang tidak minat untuk belajar atau lemah dalam pembelajaran. Sifat mereka yang malu bertanya, bertindak tanpa berfikir, suka menunjukkan kekuatan diri dan suka mencuba sesuatu yang baru juga boleh membawa kepada pelanggaran peraturan di sekolah.

Ibubapa yang tidak memberikan kasih sayang yang sepenuhnya terhadap anak mereka mendorong mereka melakukan masalah disiplin di sekolah kerana sekolah merupakan tempat mereka melepaskan perasaan dan tekanan yang mereka bawa daripada rumah. Kebanyakan ibu bapa bekerja dan tidak meluangkan masa untuk anak-anak meluahkan masalah yang mereka hadapi. Kekurangan didikan dan penyeliaan ibu bapa terhadap anak-anak mereka juga merupakan faktor pelajar terlibat dalam masalah disiplin.

Guru-guru turut berperanan dalam membentuk disiplin pelajar kerana guru dianggap sebagai pihak kedua yang bertanggungjawab untuk membentuk tingkah laku pelajar selain daripada ibu bapa. Jalinan hubungan yang tidak rapat antara pelajar dengan guru, kaedah pengajaran yang membosankan, sifat guru yang garang, tidak bersikap adil dan tidak mudah memberi maaf dapat melahirkan masalah disiplin pelajar.

Pengaruh rakan sebaya turut menjadi penyumbang utama dalam peningkatan masalah disiplin pelajar kerana rakan sebaya adalah tempat mereka mencurahkan masalah dan banyak menghabiskan masa. Berkawan dengan pelajar yang bermasalah disiplin dan ajakan rakan-rakan untuk melakukan sesuatu yang baharu dalam hidup mereka merupakan antara faktor yang menyumbang kepada masalah disiplin pelajar.

Media massa turut menjadi faktor utama dalam meruncingkan lagi permasalahan disiplin ini. Pelajar-pelajar yang menonton filem-filem berunsur negatif seperti aksi keganasan dan masalah sosial menyebabkan mereka pasti akan mengikut aksi yang terpapar dalam filem yang berkenaan dan melakukan kesalahan disiplin.

Dapatan kajian menunjukkan masalah disiplin di kalangan pelajar membawa kepada lima kesan utama iaitu kesan ke atas individu, sekolah, keluarga, masyarakat dan negara. Pelajar yang mempunyai masalah disiplin tidak dapat menumpukan perhatian dalam pembelajaran dan ini menyebabkan prestasi akademik pelajar tersebut merosot sekaligus menjejaskan imej sekolah kerana sekolah merupakan tempat melahirkan warga cemerlang. Ibu bapa juga akan berasa kecewa, kadar jenayah dalam kalangan masyarakat juga akan meningkat dan negara kita akan kehilangan pelapis generasi kepimpinan pada masa hadapan apabila pelajar terjebak dalam masalah disiplin.

### **6.3 Cadangan**

Susulan daripada analisis dan kesimpulan di atas, kemerosotan disiplin di kalangan pelajar tidak boleh dipandang ringan malah perlu diberi perhatian yang serius. Berikut adalah beberapa cadangan langkah-langkah bagi menangani masalah disiplin pelajar.

#### **6.3.1 Perubahan Sikap Pelajar atau Remaja**

Bagi mengatasi masalah ini, remaja perlu memainkan peranan utama dalam membentuk sahsiah diri yang baik. Keperibadian yang baik dapat dibentuk apabila seseorang pelajar itu mendisiplinkan diri mereka dalam melakukan sesuatu perkara. Contohnya dalam hal menepati masa, mereka perlu menepati masa dan sentiasa menghadirkan diri ke sekolah. Mereka juga perlu berdisiplin dan bertindak tegas dalam menolak pelawaan merokok, ponteng kelas, ponteng sekolah atau membuli kawan.

Sifat tegas dan disiplin yang ditanamkan dalam diri pelajar ini mampu mengelakkan seseorang pelajar itu daripada terjebak ke dalam kes-kes jenayah atau masalah-masalah sosial lain. Keperibadian yang tinggi di kalangan pelajar bukan sahaja dapat mengelakkan diri daripada terjebak ke dalam gejala-gejala yang tidak berfaedah bahkan dapat menyerlahkan imej yang baik dan berpotensi dalam banyak perkara. Imej yang baik ini sesuai ditanamkan dalam diri golongan pelajar sebagai persediaan awal dalam menerajui pembangunan negara suatu masa kelak.

### **6.3.2 Melalui Institusi Keluarga atau Peranan Ibu Bapa**

Institusi keluarga merupakan institusi asas sebelum pelajar menjejakkan kaki ke alam persekolahan. Keluarga merupakan pihak yang bertanggungjawab memperkenalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan anak-anak. Biasanya, pelajar yang berasal daripada keluarga yang harmoni dan mendapat kasih sayang adalah lebih bertanggungjawab serta kurang terbabit dalam kes salah laku di sekolah.

Ibu bapa merupakan orang yang paling penting dalam menangani masalah disiplin pelajar. Hal ini demikian kerana mereka merupakan individu yang paling berkesan untuk mempengaruhi perlakuan anak-anak mereka. Oleh itu, ibu bapa perlulah mendidik dan menasihati anak-anak mereka supaya menghindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang melanggar peraturan disiplin di sekolah. Ibu bapa juga perlu memberikan kasih sayang yang secukupnya dan meluangkan masa bersama anak-anak bagi mengetahui perkembangan mereka. Selain itu, ibu bapa perlu mengetahui kawan-kawan anak-anaknya dan menasihati supaya anaknya tidak berkawan dengan orang yang bertingkah laku negatif.

### **6.3.3 Peranan Pihak Sekolah**

Pihak sekolah juga perlu peka dengan pelanggaran disiplin yang berlaku dalam kalangan pelajar. Selain itu, pihak sekolah juga harus menangani kemerosotan disiplin pelajar dengan bijak dan bersungguh-sungguh seperti memberikan kaunseling atau mengenakan hukuman kepada pelajar yang terbabit.

Pihak pentadbir sekolah perlu memperketat pelaksanaan peraturan sekolah kepada mereka yang terlibat supaya menjadi teladan kepada pelajar lain dan memberi kuasa sepenuhnya kepada semua guru untuk melaksanakan peraturan sekolah. Pihak pentadbir sekolah juga mesti bekerjasama sepenuhnya dengan PIBG agar kedua-dua pihak sentiasa prihatin mengenai masalah disiplin pelajar. Di samping itu, pihak pentadbir sekolah perlu sentiasa menjalankan kempen 'Sekolah Penyayang', 'Sekolahku Rumahku' dan 'Disiplin Sifar' secara berterusan untuk menanam kesedaran dalam diri pelajar tentang betapa pentingnya disiplin kepada manusia.

#### **6.3.4 Peranan dan Sikap Guru-Guru**

Seseorang guru harus mengenali pelajar-pelajarnya secara lebih dekat dengan penuh kemesraan, banyak bersabar dan menjadi rakan pembimbing mereka yang sentiasa mempunyai sifat keterbukaan dalam sebarang masalah. Mereka juga perlu meningkatkan keceriaan bilik darjah dan mempelbagaikan proses pengajaran mereka supaya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik di bilik darjah dan menarik minat pelajar untuk belajar. Selain itu, mereka juga perlu menjalankan sesi kaunseling kepada pelajar bermasalah, mewujudkan dan mengaktifkan lagi Program Pembimbing Rakan Sebaya dalam mengurangkan atau mengatasi masalah ini.

#### **6.3.5 Pemilihan Rakan yang baik**

Rakan-rakan dapat membentuk peribadi seseorang sama ada ke jalan yang positif atau negatif. Oleh itu, seseorang pelajar perlu bijak memilih rakan yang dapat membina mereka ke arah sikap yang positif. Rakan ini berperanan membimbing, memberi nasihat atau teguran serta membantu mereka semasa mereka menghadapi masalah. Pemilihan rakan yang baik dapat membantu menangani masalah didiplin pelajar.

## **RUJUKAN**

Abdullah Sani bin Yahaya (2005), Mengurus Disiplin Pelajar, PTS Professional.

James Ang Jit Eng (2011), Pengurusan Disiplin Murid, Edisi Kedua, PTS Professional.

Bhasah Abu Bakar dan Yuslina Mohamed (2013), Metodologi Penyelidikan, Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia.

Robert T.Kiyosaki (2013), Why “A” Students Work For “C: Students, PTS Professional.

Ahmad Amri Zainal Adnan (2009), PSQ Rahsia Personaliti Unggul, PTS Millennia Sdn. Bhd.

Mohd Ismail Othman (2006), Menangani Disiplin Di Sekolah, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Zainal Madon dan Mohd Sharani Ahmad (2005). Panduan Mengurus Remaja Moden, PTS Professional.

[http://www.moe.gov.my/upload/galeri\\_awam/forms/1312255035.pdf](http://www.moe.gov.my/upload/galeri_awam/forms/1312255035.pdf) dicapai pada 2 Januari 2015.

[http://eprints.utm.my/10404/1/FAKTOR-FAKTOR\\_PENYEBAB\\_MASALAH\\_DISIPLIN\\_DI\\_SEKOLAH.pdf](http://eprints.utm.my/10404/1/FAKTOR-FAKTOR_PENYEBAB_MASALAH_DISIPLIN_DI_SEKOLAH.pdf) dicapai pada 4 Januari 2015.

[http://eprints.utm.my/10490/1/TAHAP\\_DISIPLIN\\_PELAJAR\\_SEKOLAH\\_MASA\\_KINI.pdf](http://eprints.utm.my/10490/1/TAHAP_DISIPLIN_PELAJAR_SEKOLAH_MASA_KINI.pdf) dicapai pada 11 Januari 2015.

Utusan Malaysia, muka surat 6, 22 Jun 2000.

**LAMPIRAN A**

**BORANG SOAL SELIDIK KAJIAN UNTUK PELAJAR**

## BAHAGIAN A: DEMOGRAFI RESPONDEN

Bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan demografi responden.

**Arahan** : Sila tandakan (  $\surd$  ) pada petak yang berkenaan.

1. Jantina :

Lelaki

Perempuan

2. Bangsa :

Melayu

Cina

India

Lain-lain,

nyatakan \_\_\_\_\_

3. Tingkatan :

Satu

Dua

Tiga

Empat

Lima

4. Bilangan adik beradik :

1 - 2 orang

3 - 4 orang

5 - 6 orang

> 6 orang



## BAHAGIAN B: SIFAT KENDIRI

Bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan sifat diri responden.

**Arahan** : Berdasarkan skala 1 – 5 di bawah ini, sila bulatkan tahap persetujuan yang menggambarkan sifat diri anda.

<i>Sangat Tidak Bersetuju</i>	<i>Tidak Bersetuju</i>	<i>Sederhana Bersetuju</i>	<i>Setuju</i>	<i>Sangat Bersetuju</i>
1	2	3	4	5

No	Pernyataan	Skala				
1.	Kesedaran diri penting dalam membentuk disiplin yang berkesan	1	2	3	4	5
2.	Saya terlalu lemah dalam beberapa mata pelajaran	1	2	3	4	5
3.	Saya tidak berminat untuk nelajar	1	2	3	4	5
4.	Saya malu bertanya apa yang tidak faham	1	2	3	4	5
5.	Saya senang terikut dengan ajakan atau pengaruh orang lain	1	2	3	4	5
6.	Saya suka mencuba sesuatu yang baharu	1	2	3	4	5

## BAHAGIAN C: PUNCA-PUNCA MASALAH DISIPLIN PELAJAR

Bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan punca-punca berlakunya masalah disiplin pelajar di SMKBUD4.

**Arahan :** Berdasarkan skala 1 – 5 di bawah ini, sila bulatkan tahap persetujuan anda terhadap komponen-komponen yang menyumbang kepada punca-punca berlakunya masalah disiplin pelajar.

<i>Sangat Tidak Bersetuju</i>	<i>Tidak Bersetuju</i>	<i>Sederhana Bersetuju</i>	<i>Setuju</i>	<i>Sangat Bersetuju</i>
1	2	3	4	5

No	Pernyataan	Skala				
	<b>A. Ibu Bapa</b>					
1.	Kekurangan penyeliaan atau didikan oleh ibu bapa	1	2	3	4	5
2.	Ibu bapa sibuk bekerja	1	2	3	4	5
	<b>B. Sekolah / Guru</b>					
3.	Hubungan guru dengan pelajar yang tidak rapat	1	2	3	4	5
4.	Sifat guru yang garang	1	2	3	4	5
	<b>C. Rakan-rakan</b>					
5.	Ajakan rakan-rakan dalam melakukan sesuatu perkara	1	2	3	4	5
6.	Dikelilingi atau memiliki rakan-rakan yang mempunyai masalah disiplin	1	2	3	4	5
	<b>D. Media massa</b>					
7.	Menonton filem berunsur negatif	1	2	3	4	5

**LAMPIRAN B**

**BORANG SOAL SELIDIK KAJIAN UNTUK GURU**

## BAHAGIAN A: DEMOGRAFI RESPONDEN

Bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan demografi responden.

**Arahan** : Sila tandakan (  $\checkmark$  ) pada petak yang berkenaan.

1. Jantina :

Lelaki

Perempuan

2. Bangsa :

Melayu

Cina

India

Lain-lain,

nyatakan \_\_\_\_\_

3. Umur :

< 25 tahun

26 – 30 tahun

31 – 35 tahun

36 – 40 tahun

> 41 tahun

4. Bilangan tahun berkhidmat di SMKBUD4 :

< 1 tahun

2 – 5 tahun

6 – 10 tahun

> 11 tahun

## BAHAGIAN B : PUNCA-PUNCA MASALAH DISIPLIN PELAJAR

Bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan punca-punca berlakunya masalah disiplin pelajar di SMKBUD4.

**Arahan :** Berdasarkan skala 1 – 5 di bawah ini, sila bulatkan tahap persetujuan anda terhadap komponen-komponen yang menyumbang kepada punca-punca berlakunya masalah disiplin pelajar.

<i>Sangat Tidak Bersetuju</i>	<i>Tidak Bersetuju</i>	<i>Sederhana Bersetuju</i>	<i>Setuju</i>	<i>Sangat Bersetuju</i>
1	2	3	4	5

No	Pernyataan	Skala				
	<b>A. Ibu Bapa</b>					
1.	Kekurangan penyeliaan atau didikan oleh ibu bapa	1	2	3	4	5
2.	Ibu bapa sibuk bekerja	1	2	3	4	5
	<b>B. Sekolah / Guru</b>					
3.	Hubungan guru dengan pelajar yang tidak rapat	1	2	3	4	5
4.	Sifat guru yang garang	1	2	3	4	5
	<b>C. Rakan-rakan</b>					
5.	Ajakan rakan-rakan dalam melakukan sesuatu perkara	1	2	3	4	5
6.	Dikelilingi atau memiliki rakan-rakan yang mempunyai masalah disiplin	1	2	3	4	5
	<b>D. Media massa</b>					
7.	Menonton filem berunsur negatif	1	2	3	4	5

## BAHAGIAN C : KESAN MASALAH DISIPLIN

Bahagian ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan kesan masalah disiplin pelajar SMKBUD4 terhadap individu, sekolah, keluarga, masyarakat dan negara

**Arahan :** Berdasarkan skala 1 – 5 di bawah ini, sila bulatkan tahap persetujuan anda terhadap kesan-kesan masalah disiplin pelajar.

<i>Sangat Tidak Bersetuju</i>	<i>Tidak Bersetuju</i>	<i>Sederhana Bersetuju</i>	<i>Setuju</i>	<i>Sangat Bersetuju</i>
1	2	3	4	5

No	Pernyataan	Skala				
1.	<b>Kesan ke atas Individu</b> Prestasi pembelajaran pelajar merosot	1	2	3	4	5
2.	<b>Kesan ke atas Sekolah</b> Menjejaskan nama baik sekolah	1	2	3	4	5
3.	<b>Kesan ke atas Keluarga</b> Wujudnya ketidakharmonian dalam keluarga	1	2	3	4	5
4.	<b>Kesan ke atas Masyarakat</b> Kadar jenayah dalam kalangan masyarakat meningkat	1	2	3	4	5
5.	<b>Kesan ke atas Negara</b> Akan kehilangan pelapis generasi kepimpinan pada masa hadapan	1	2	3	4	5